



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
(OFFICE OF THE DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
JALAN CENDERASARI  
50490 KUALA LUMPUR.

No. Telefon: 03-26925196  
No. Fax: 03-26911436

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil (1 )dlm.KKM/62/BPKK(AM)/Pel-22

Tarikh : 18 September 2001

Pengarah Kesihatan Negeri \_\_\_\_\_

Dato/Datin/Tuan/Puan

Perpustakaan Ibu Pejabat  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari  
50590 Kuala Lumpur.

### PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.10/2001

#### Garispanduan Melaporkan Pendatang Tanpa Izin Yang Mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan Di Hospital Dan Klinik Kesihatan

Adalah dimaklumkan bahawa penggunaan perkhidmatan kesihatan oleh Pendatang Tanpa Izin di hospital dan klinik telah meningkat. Oleh kerana kehadiran Pendatang Tanpa Izin melibatkan Akta Imigresen, Dato/Datin/Tuan/Puan adalah diminta melaporkan perkara ini kepada pihak berkenaan.

Bersama-sama ini disertakan salinan garispanduan tersebut untuk di patuhi oleh semua kakitangan Kementerian Kesihatan. Sila buat pemantauan pelaksanaan arahan Pekeling ini.

Pekeling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATU DR. H.J. MOHAMAD TAHA BIN ARIF)

Ketua Pengarah Kesihatan  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

s.k Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan dan Teknikal)

**1. PANSUAN MELAPORKAN KEHADIRAN PENDATANG TANPA IZIN DI HOSPITAL DAN KLINIK-KLINIK KESIHATAN**

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Adalah menjadi polisi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberikan perkhidmatan Kesihatan termasuklah warga asing yang datang untuk mendapatkan khidmat nasihat ataupun rawatan di semua hospital dan klinik kesihatan.
- 2.2 Mereka akan dikenakan bayaran atau caj yang sepatutnya ke atas perkhidmatan yang diberikan seperti dinyatakan dalam Akta Fee dan pekeliling-pekeliling berkaitan.
- 2.3 Hospital dan klinik-klinik kesihatan adalah juga salah satu tempat yang menjadi tumpuan utama orang ramai termasuk warga asing. Kehadiran warga asing negara ini merupakan salah satu masalah yang boleh mengancam keselamatan negara dan perlu dibendung bersama oleh semua pihak.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah diarahkan untuk memberikan kerjasama ke atas perkara ini dengan melaporkan kepada pihak polis sekiranya tedapat warga asing tanpa dokumen yang sah atau warga asing tanpa izin mendapatkan perkhidmatan di hospital dan klinik kesihatan.
- 2.5 Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenalpasti kaedah yang sesuai dengan mengambilkira keadaan setempat serta mendapatkan kerjasama dari pihak polis dan Imigresen.

**3. RASIONAL & ANALISA SITUASI.**

- 3.1 Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan peruntukan yang besar untuk kesejahteraan dan kesihatan rakyat Malaysia. Peruntukan yang besar ini adalah sangat baik. Walau bagaimanapun, kehadiran pendatang asing terutama pendatang tanpa izin telah menyebabkan sebahagian besar dari peruntukan ini telah dibelanjakan untuk perkhidmatan kesihatan mereka. Perkara sebergini tidak seharusnya berlaku di saat rakyat Malaysia amat memerlukan rawatan yang baik dan komprehensif.
- 3.2 Dari perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak Imigresen sehingga Oktober 2000, jumlah keseluruhan pendatang tanpa izin di Malaysia adalah sebanyak 402,150 orang. Negeri yang paling banyak didatangi oleh pendatang tanpa tanpa izin ialah Sabah iaitu sebanyak 250,000 (62.2%), diikuti oleh Johor 80,000 (19.9%) dan Selangor 28,000 (7.0%). Negeri Perlis mencatatkan bilangan pendatang tanpa izin yang paling sedikit iaitu sebanyak 150 orang (0.04%).
- 3.3 Perangkaan tersebut juga menunjukkan bahawa pembantu rumah pendatang tanpa izin yang lari dari majikan adalah seramai 150,000 orang.

3.4 Sementara itu, data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Sabah menunjukkan bahawa sebanyak 8.4 % pendatang asing mendapatkan rawatan 'inpatient' dan 22.2 % kelahiran bayi diseluruh Sabah. Walau bagaimanapun, perangkaan bagi negeri-negeri lain tidak dapat ditentukan tetapi dipercayai peratusnya adalah kecil jika dibandingkan dengan Sabah.

3.5 Oleh itu, masalah pendatang tanpa izin bagi negeri Sabah adalah besar dan perlulah ditangani secara berasingan dari negeri-negeri lain di Malaysia.

#### 4. DEFINASI PENDATANG YANG SAH

Mana-mana bukan warganegara Malaysia yang mempunyai :

- a. Passport Antarabangsa yang sah bersama permit kerja ataupun visa lawatan
- b. Pas lawatan social (PLS) yang sah selama sebulan dari tempoh kemasukan ke Malaysia.

#### 5. PROSEDUR UNTUK MEMBUAT LAPORAN

Semua kes pendatang tanpa izin (rujuk definisi panduan) perlu dilaporkan kepada pihak polis, seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 6 (3) dan Seksyen 15 (4) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 1997), sila lihat Lampiran 1.

Laporan hendaklah dibuat apabila status kerakyatan pesakit diketahui, iaitu semasa pendaftaran pesakit di klinik, Unit kecemasan ataupun semasa dimasukkan ke wad. Walau bagaimanapun rawatan yang sewajarnya dimana perlu mesti diberikan, termasuklah ke wad dan pembedahan.

Hospital atau Klinik Kesihatan yang tidak melaporkan kepada pihak polis boleh dianggap sebagai melindungi pendatang tanpa izin dan boleh didakwa mengikut Seksyen 56 (1) (d) di bawah Akta yang sama, sila lihat Lampiran 1.

Oleh kerana terdapat beberapa perbedaan sistem gerak kerja antara satu daerah dengan daerah yang lain dan juga antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, prosedur ini boleh diubahsuai bagi mencari kaedah terbaik supaya proses melapor dapat dibuat dengan kemas.

#### Implikasi

Antara implikasi yang dijangka akan timbul ialah :

- a. beban kerja Petugas Kesihatan akan bertambah.
- b. pendatang tanpa izin perlu diawasi sehingga pihak polis tiba
- c. imej Hospital atau Klinik Kesihatan sebagai tempat untuk memberikan perkhidmatan kesihatan boleh terjejas.

Oleh yang demikian, satu kerjasama yang rapat diantara pihak hospital dan Klinik Kesihatan dengan pihak Polis hendaklah diwujudkan untuk memastikan perkara ini

boleh diatasi dengan baik dan juga untuk menggalakkan komunikasi yang efektif diantara kedua-dua pihak.

### **5.1 Petugas Kesihatan yang terlibat**

Pengarah Hospital (bagi hospital-hospital) dan pegawai Kesihatan Daerah (bagi klinik kesihatan) hendaklah menetapkan pegawai yang akan ditugaskan untuk membuat laporan ditempat-tempat yang berkenaan. Adalah dicadangkan bahawa pegawai yang diarahkan dan difikirkan layak untuk membuat laporan ialah pembantu tadbir (rekod) atau pegawai lain yang bukan dari golongan professional.

### **5.2 Maklumat yang diperlukan**

Laporan mestilah dibuat dalam satu jangkamasa yang sesuai iaitu sebaik-baiknya bila terdapat kehadiran pendatang tanpa izin serta maklumat yang hendak diberikan kepada pihak polis mestilah mengandungi nama, umur, nombor passport (jika ada), jantina, warganegara, pekerjaan dan alamat tempat tinggal (format laporan pendatang tanpa izin disertakan).

### **5.3 Hospital dan klinik kesihatan hendaklah menyimpan data statistik mengenai kes-kes yang dilaporkan. Data-data ini hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut :**

- a) Tarikh/bulan/tahun
- b) Kerakyatan
- c) Jantina
- d) Kanak-kanak (< 12 tahun ) ataupun dewasa
- e) Jenis rawatan
  - Pesakit luar diklinik
  - Pesakit luar kecemasan
  - Kes bersalin
  - Rawatan sebagai pesakit dalam, tidak termasuk kes bersalin.

## **6. Soalan**

Jika pihak tuan ingin maklumat lanjut sila hubungi Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan atau Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga untuk membantu anda.

## **7. Penutup**

Adalah diharapkan dengan adanya kertas ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dapat membantu pihak polis dan Imigresen dalam menangani masalah berkaitan dengan pendatang tanpa izin di Malaysia.

**CADANGAN**  
**FORMAT LAPORAN PENDATANG TANPA IZIN KEPADA PIHAK POLIS**

Nama	
Nombor Passport	
Umur	
Jantina	
Warganegara	
Pekerjaan	
Alamat tempat tinggal	

Nama Pegawai yang melapor:

Tandatangan :

Jawatan :

Nama Hospital atau Klinik Kesihatan :

Tarikh :

**Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan 1997)**

**Seksyen 6 (3) - Kawalan masuk ke dalam Malaysia**

- 1) Tiada sesiapa pun selain daripada seorang warganegara yang boleh memasuki Malaysia melainkan -
  - a) ia memiliki Permit Masuk yang sah dikeluarkan dengan sah kepadanya di bawah seksyen 10.
  - b) namanya diendoskan di atas permit masuk yang sah mengikut seksyen 12, dan ia masuk bersama-sama dengan pemegang permit.
  - c) ia memiliki sesuatu Pas yang sah yang dikeluarkan dengan sah kepadanya bagi memasuki Malaysia atau
  - d) ia dikecualikan daripada seksyen ini oleh satu perintah yang dibuat di bawah seksyen 55.
- 2) (Dimansuhkan)
- 3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (l) adalah melakukan kesalahan di bawah Akta ini.
- 4) Beban membuktikan bahawa seseorang itu memasuki Malaysia tanpa melanggar peruntukan subseksyen (l) hendaklah terletak ke atas orang itu, dan mana-mana pendakwaan terhadap suatu kesalahan di bawah subseksyen (i), maka tidak perlu dinyatakan dalam suatu pertuduhan tentang tarikh, waktu, tempat atau cara kemasukan orang tersebut ke Malaysia, atau cara-cara perjalanan yang digunakan bagi kemasukan itu, dan pendakwaan tersebut boleh di adakan di mana-mana tempat di Malaysia.

**Seksyen 15 (4) - Kemasukan atau berada di Malaysia secara yang menyalahi undang - undang.**

- 1) Tanpa menyentuh mana-mana peruntukan lain Akta ini mlarang seseorang daripada tinggal di Malaysia.
  - a) selepas pembatalan mana-mana Permit atau Perakuan di bawah Bahagian ini
  - b) selepas membuat suatu perkuan dibawah dibawah seksyen 149 (4)
  - c) selepas tamat tempoh mana-mana Pas yang berkaitan dengan atau dikeluarkan kepadanya, atau

- d) selepas pemberitahuan kepadanya, dengan cara tertentu sebagaimana yang akan ditetapkan, tentang pembatalan, di bawah Akta ini, tentang mana-mana Pas yang berkaitan dengannya atau dikeluarkan kepadanya,  
melainkan jika dia adalah selainnya dibenarkan tinggal di Malaysia di bawah Akta ini.
- 2) Seseorang itu tidak boleh berada di Malaysia secara yang berlawanan dengan proviso (a) kepada seksyen 60 atau perkara 8 (2) Perintah Imigresen (Peruntukan Peralihan), 1963
- 3) (Dimansuhkan)
- 4) Mana-mana orang yang tanpa sebab-sebab yang munasabah melanggar seksyen ini adalah melakukan sesuatu kesalahan Akta ini.

#### **Seksyen 56 (1) kesalahan**

1) Mana-mana orang yang :

- a) (Dimansuhkan)
- b) (Dimansuhkan)
- c) (Dimansuhkan)
- d) Melindungi mana-mana orang yang diketahui atau mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah bertindak berlawanan dengan akta ini.
- e) (Dimansuhkan)
- f) Membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa laporan palsu, kenyataan palsu atau representasi palsu.